



PERATURAN PERMAINAN PETANQUE
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan Rasmi Antarabangsa yang digubal pada tahun 1984 oleh FIPJP iaitu sebuah pertubuhan yang di kawal selia di Kongres Geneve dan Peraturan-Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran undang-undang permainan, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan menjadi rujukan.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **BERPASUKAN**.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan Berpasukan

3.1.1 Tiap-tiap pasukan tidak melebihi 10 orang pemain dengan komposisi 5 orang lelaki dan 5 orang wanita.

3.1.2 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan adalah seperti berikut:

3.1.2.1 Individu Lelaki

3.1.2.2 Individu Wanita

3.1.2.3 Berduo Lelaki

3.1.2.4 Berduo Wanita

3.1.2.5 Berduo Campuran

3.2 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain satu (1) acara sahaja di dalam sesuatu perlawanan.

3.3 Pengurus atau Ketua Pasukan hendaklah menyerahkan nama dan susunan pemain-pemain kepada pengadil sepuluh (10) minit sebelum perlawanan dimulakan.

3.4 Pertukaran dan penggantian tidak boleh dilakukan selepas susunan pemain-pemain telah ditetapkan dan diserahkan kepada penganjur.

4.0 PAKAIAN

4.1 Pemain-pemain hendaklah memakai pakaian seragam pasukan masing-masing. Hanya baju 'T' yang berkolar dan seluar slack atau track bottom dibenarkan semasa pertandingan.

4.2 Hanya kasut sukan dibenarkan di dalam gelanggang.

4.3 Pengelola Pertandingan tidak akan membenarkan pemain-pemain menyertai pertandingan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan pusingan pertama akan dijalankan secara **LIGA BERKUMPULAN** bagi acara berpasukan.
- 5.2 Pertandingan akan dijalankan dengan format permainan bermasa dan akan dijalankan selama 1 jam tambahan 1 end.
- 5.3 Perlawanan tamat pada skor 13 atau tamat had masa selama 60 minit (1 jam). Jika masa telah tamat, pasukan yang memperoleh skor tertinggi dikira pemenang. Jika skor seri, tambahan 1 end diberi sehingga terdapat mana-mana satu pasukan memperoleh mata tambahan.

6.0 PEMAIN PILIHAN (RANKING)

- 6.1 Pemain-pemain yang pernah mewakili UiTM di dalam kejohanan jemputan akan diberi keutamaan sebagai pemain pilihan (seeded player).
- 6.2 Pemain-pemain yang pernah mewakili negeri atau Negara atau mempunyai rekod cemerlang juga akan diberi keutamaan.

7.0 KELEWATAN

- 7.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 7.2 Masa selama 15 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

8.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

9.0 UNDIAN

Undian akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

11.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARI STA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.